


CHAIRMAN'S MESSAGE



Dear Fellow shareholders,

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present to you the Annual Report and the Audited Financial Statements of the Group and the Company for the financial year ended 30th April 2002.

The year 2001 has been a busy and prosperous year for Megan Media Holdings Berhad ("MMHB"). We have almost completed two years operation after MMHB was listed on the Second Board of KLSE on 8th August 2000.

As a leading manufacturer of data storage products we have indeed positioned ourselves prominently as the largest manufacturer of Compact Disc Recordables (CD-R) and Digital Versatile Disc Recordables (DVD-R) in Malaysia. During the current financial year we have increased the capacity for the manufacturing of CD-R/DVD-R from 3.5 million pieces per month to 4.5 million pieces per month. Approximately 90% of CD-R and DVD-R are exported.

ANALYSIS OF GROUP'S FINANCIAL PERFORMANCE

In the financial year ended 30th April 2002, the group had achieved a turnover of RM139.1 million compared to RM 98.8 million for 30th April 2001. Profit before tax was RM30.2 million compared to RM 23.3 Million for 30th April 2001.

In comparing year 2002 to year 2001, the turnover grew by 40.8% while profit before tax rose by 29.6%. Earning per share for the year under review was 35sen. The profit after tax of the Group for the year 2002 was RM23.7 million compared to RM18.3 million for year 2001, an increase of 29.5%.

SIGNIFICANT EVENTS

Significant events during the financial year were:

- i) Installation of two (2) additional production lines for CD-R with production capacity of 1,000,000 pieces per month for each line.
- ii) Implementation of Employee Share Option Scheme (ESOS) for the employee of up to 10% of the issued and paid up share capital of MMHB.
- iii) Private placement of up to 10.0% of the issued and paid up share capital of MMHB, the application of which has been approved by the Securities Commission ("SC") on 21st May 2002, and is pending completion.
- iv) Proposed transfer of the listing of and quotation for the entire issued and paid-up share capital of MMHB from the Second Board to the Main Board of the KLSE, the application of which has been submitted to the SC on 21st June 2002.

CHAIRMAN'S MESSAGE

CORPORATE DEVELOPMENT

During the year under review, MMHB and its subsidiaries have been concentrating on their core business of manufacturing and marketing of 'data storage' products. These include CD-R, DVD-R, Computer diskette, Videotapes and related plastic and metal stamping parts. The Group has not ventured into other non-related businesses. Our production team has succeeded, through its commitment to product innovation and product quality, earned strong position in the international market place. Our high precision Optical Media machineries and the committed and innovative driven management team have been a great contribution on making MMHB and its products a stronghold in Malaysia and international market.



MMHB is well known for its ability in producing high quality products while maintaining competitive prices. This has always been MMHB's utmost priority in meeting and fulfilling global market demand and satisfying customers need. The group successful international market penetration has undoubtedly increased its demand and now MMHB is looking towards a greater market penetration into the third world markets like India, South America and South East Asia.

DIVIDEND

In view of the favourable financial results, your directors are pleased to recommend a dividend of 7% (5% tax-exempt and 2% non tax-exempt) to shareholders for the financial year ended 30th April 2002. The proposed dividend will be subjected to the approval of the shareholders at the forth-coming Annual General Meeting.

INDUSTRY TRENDS AND DEVELOPMENT

Despite the global electronic slowdown, most of the CD-R key players have recorded strong revenue growth in the year 2001/02. With the growing popularity of the DVD format, the demand for DVD media is expected to grow exponentially in the next few years.

According to an independent market report conducted by a UK based market research company, Understanding and Solutions, annual world wide demand for CD-R and DVD-R is expected to grow by 15.4% and 260% respectively to 6.25 billion pieces and 159 million pieces respectively in 2003.

PROSPECTS OF THE GROUP

MMHB views prospects for 2003 with optimism. The confidence is based on the worldwide increasing demand for CD-R and DVD-R.

Grundig and Sherwood contracts have flashed MMHB as a capable manufacturer of high quality and high value added products. Among the new OEM orders obtained for the current year are Samsung and LG of Korea.



In planning for greater production capacity and to improve working environment MMHB has planned for construction of a new factory/office premises on the plot of land purchased in 2001. The building plans have been submitted to the authorities and awaiting approval. The new building will have a gross area of about 106,000 sq. ft. (86,000 sq ft of factory space and 20,000 sq. ft. of office space). The new building can house 22 production lines for CD-R/DVD-R with total capacity of 20.5 million pieces per month


CHAIRMAN'S MESSAGE

Barring unforeseen circumstances, the Board expects the group to achieve satisfactory results for the financial year-ending 30th April 2003. It is also the Board's intention to continue with the present dividend policy.



ACKNOWLEDGEMENT

Before I conclude, I would like to extend my sincere thanks and appreciation to my fellow Directors for their invaluable contribution to the Company and on their behalf, I wish to express my deep appreciation to the management and staff for their dedication, commitment and diligence, towards making 2002 a significant year of achievement.



Most of all I would like to record my thanks to our valued customers, suppliers, bankers, advisors, relevant authorities, business associates and last but not least to the shareholders for their continued support and confidence.

Best Regards,

DATO' DR HJ. MOHD ADAM BIN CHE HARUN
Executive Chairman/Chief Executive Officer.

PERUTUSAN PENGERUSI

Para Pemegang Saham,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, sukacita saya menyampaikan kepada tuan / puan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit bagi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 30 April 2002.

Tahun 2001 merupakan tahun yang agak rancak dan makmur bagi Megan Media Holdings Berhad ("MMHB"), setelah sudah hampir dua tahun kami beroperasi selepas MMHB disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") pada 8 Ogos 2000.

Sebagai pengilang utama produk-produk storan data, kami kini telah berada dalam kedudukan yang baik sebagai pengilang terbesar Cakera Padat - Boleh Rakam (CD-R) dan Cakera Padat Versatil Digital - Boleh Rakam (DVD-R) di Malaysia. Dalam tahun kewangan semasa, kami berjaya meningkatkan kapasiti bagi CD-R / DVD-R dari 3.5 juta unit sebulan kepada 4.5 juta unit sebulan. Lebih kurang 90% daripada CD-R dan DVD-R keluaran kami adalah untuk diekspot.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 April 2002, Kumpulan telah mencatatkan perolehan sebanyak RM139.1 juta berbanding RM98.8 juta pada 30 April 2001, sementara keuntungan sebelum cukai pula mencapai jumlah RM30.2 juta berbanding RM23.3 juta pada 30 April 2001.

Bila membandingkan perolehan tahun 2002 dengan 2001, ia didapati telah meningkat sebanyak 40.8% sementara keuntungan sebelum cukai pula meningkat sebanyak 29.6%. Pendapatan sesaham bagi tahun di bawah kajian ialah 35 sen. Keuntungan Kumpulan selepas cukai bagi tahun 2002 ialah RM23.7 juta berbanding RM18.3 juta bagi tahun 2001, satu peningkatan sebanyak 29.5%.

PENCAPAIAN UNGGUL

Pencapaian unggul dalam tahun kewangan semasa ialah :

- i) Pemasangan dua (2) tertib pengeluaran tambahan bagi CD-R dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,000,000 unit setiap bulan daripada setiap tertib.
- ii) Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) bagi kakitangan sehingga 10% daripada saham-saham yang diterbitkan dari modal berbayar MMHB.
- iii) Tawaran persendirian sehingga 10% daripada modal saham terbitan dan berbayar MMHB (Private Placement), permohonanya telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 21 Mei 2002 dan dalam proses persiapan.
- iv) Cadangan memindahkan penyenaian dan sebut harga keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar MMHB dari Papan Kedua ke Papan Utama BSKL dan permohonan telah dikemukakan kepada SC pada 21 Jun 2002.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Di dalam tahun kajian, MMHB dan anak-anak syarikatnya telah menumpukan perhatian pada perniagaan teras mereka iaitu pengilangan dan pemasaran produk-produk "storan data". Ini termasuk CD-R, DVD-R, disket komputer, pita video dan komponen-komponen plastik dan logam berkaitan. Kumpulan ini tidak menceburi dalam bidang-bidang perniagaan yang tidak

PERUTUSAN PENGERUSI

berkaitan dengan aktiviti terasnya. Pasukan pengeluaran kami telah berjaya menempatkan syarikat dalam kedudukan kukuh di pasaran antarabangsa dan tempatan melalui komitmennya terhadap inovasi produk dan kualiti.

MMHB terkenal kerana keupayaannya dalam mengeluarkan produk-produk berkualiti tinggi sementara mengekalkan daya saingnya dari segi harga. Ini merupakan keutamaan paling penting bagi MMHB dalam memenuhi permintaan pasaran global dan khasnya keperluan pelanggan. Kejayaan kumpulan untuk menembusi pasaran antarabangsa memang tidak dapat diragui lagi dan kini MMHB ingin mengembangkan sayapnya ke pasaran-pasaran dunia ketiga seperti India, Amerika Selatan dan Asia Tenggara.

DIVIDEN

Memandangkan pencapaian kewangan yang baik ini, anggota-anggota Lembaga Pengarah gembira untuk mengesyorkan satu dividen sebanyak 7% (5% dikecualikan daripada cukai dan 2% bercukai) bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2002. Cadangan dividen itu adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang ini.

TREND INDUSTRI DAN PERKEMBANGAN

Walaupun sector elektronik global diselubungi kelembapan, kebanyakan pengeluar utama CD-R telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh dalam tahun 2001/02. Dengan DVD semakin popular, permintaan bagi media DVD dijangka bertumbuh secara eksponen untuk beberapa tahun yang akan datang.

Menurut satu laporan bebas pasaran yang dijalankan oleh sebuah syarikat penyelidikan pasaran dari UK, "Understanding and Solutions", permintaan tahunan seluruh dunia bagi CD-R dan DVD-R masing-masing dijangka tumbuh pada kadar 15.4% dan 260% iaitu 6.25 bilion unit dan 159 juta unit pada tahun 2003.

PROSPEK KUMPULAN

MMHB yakin sepenuhnya dengan prospek bagi 2003. Keyakinan itu adalah berdasarkan kepada permintaan dunia yang terus meningkat bagi CD-R dan DVD-R.

Kontrak-kontrak dari Grundig dan Sherwood telah membuktikan MMHB sebagai pengilang yang berupaya dalam mengeluarkan produk-produk tambah nilai dan berkualiti tinggi. Antara dua tempahan baru OEM yang diterimanya bagi tahun semasa ialah daripada Samsung dan LG, kedua-duanya dari Korea.

Dalam usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran dan juga untuk memperbaiki persekitaran kerja, MMHB merancang membina sebuah kilang dan premis pejabat yang baru di atas sebidang tanah yang dibeli pada tahun 2001. Pelan bangunan telah dikemukakan kepada pihak berkuasa dan sedang menunggu kelulusan. Bangunan baru itu akan mempunyai kawasan seluas lebih kurang 106,000 kaki persegi (keluasan kilang 86,000 kaki persegi dan keluasan pejabat 20,000 kaki persegi). Bangunan baru itu boleh menempatkan 22 tertib pengeluaran bagi CD-R / DVD-R dengan jumlah kapasiti sebanyak 20.5 juta unit setiap bulan.

Sekiranya tidak timbul perkara-perkara di luar jangkaan, Lembaga meramalkan kumpulan ini akan mencapai keputusan yang memuaskan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2003. Adalah juga menjadi hasrat Lembaga untuk meneruskan dasar dividen sekarang ini.

PERUTUSAN PENGERUSI

PENGHARGAAN

Sebelum mengakhiri utusan ini, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas sumbangan yang tidak ternilai mereka kepada syarikat, dan bagi pihak mereka, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas dedikasi, komitmen dan titik peluh mereka dalam menjadikan tahun 2002 sebagai tahun pencapaian yang unggul.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan kami atas sokongan mereka yang tidak ternilai, para pembekal, pihak bank, penasihat-penasihat, pihak berkuasa yang berkenaan, rakan-rakan perniagaan dan juga para pemegang saham atas sokongan mereka yang berterusan serta keyakinan mereka terhadap kami.

Yang benar,

DATO' DR HJ. MOHD ADAM BIN CHE HARUN

Pengerusi Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif.